

# Kurang kasih sayang, didikan agama punca gejala negatif

**B**uli adalah satu perbuatan kasar dan ekstrem dilakukan kepada seseorang yang lemah. Gejala ini semakin kritikal dan perlu dibendung segera. Statistik paling tinggi kes buli adalah membabitkan pelajar sekolah.

Banyak kajian dilakukan ke atas kes buli yang menunjukkan bahawa adalah satu kepuasan kepada pembuli sekiranya berjaya menindas orang yang lemah daripadanya. Buli juga adalah satu cara bagi pelaku membuktikan dirinya hebat dan berkuasa di sekolah tanpa memikirkan kesannya.

Antara faktor utama kes buli membabitkan pelajar adalah kurang mendapat perhatian dan ka-

sih sayang keluarga. Kanak-kanak amat memerlukan perhatian ibu bapa.

Mereka akan melakukan sesuatu perkara bagi mendapat perhatian ibu bapa tanpa memikirkan apa-apa kesalahan dan impak yang akan diterima.

## Hukuman buli di sekolah

Sekolah juga adalah antara faktor berlakunya gejala buli. Seperti kita tahu, semua sekolah sudah menetapkan hukuman berat bagi pelaku buli tetapi dari segi pelaksanaan hukuman tidak memberi apa-apa kesan.

Biasanya pelajar yang melakukan kesalahan kecil akan lebih berani membuat kesalahan lebih

besar kerana hukuman diterima daripada pihak sekolah seperti rotan dan memanggil ibu bapa tidak memberi apa-apa impak kepada mereka.

Kurang didikan agama juga adalah satu faktor yang amat kuat kerana pelajar mudah terpengaruh dengan gejala negatif. Apabila kurang didikan agama di rumah, pelajar akan berasa diri mereka bebas melakukan apa sahaja tanpa memikirkan perbuatan buli adalah satu kesalahan.

Subjek Pendidikan Islam dan Moral tidak membawa apa-apa perubahan kepada pelajar sekiranya tidak dipraktikkan di luar kawasan sekolah.

Oleh itu, didikan agama perlu dititikberatkan dan ibu bapa juga harus menjadi 'qudwah hasanah' untuk anak.

Rancangan dan siaran televisyen juga memberi pengaruh hebat kepada pembuli. Majoriti rancangan yang disiarkan berunsur

ganas seperti bergaduh, membuluh dan membuli menarik perhatian mereka untuk mencuba.

Tidak hairan sekiranya pelajar, terutama pada peringkat sekolah rendah meniru aksi berkenaan kerana mereka tidak memahami mesej yang cuba disampaikan oleh sesebuah cereka filem atau drama tetapi lebih tertarik dengan aksi ditonjolkan.

## Kasih sayang ibu bapa

Setiap penyakit ada penyembuhannya. Dalam kes ini, ibu bapa perlu memberi perhatian dan kasih sayang yang cukup kepada anak yang sedang membesar, supaya mereka rasa lebih dihargai dan perlu mengawasi pergerakan anak sebaik mungkin.

Di pihak sekolah pula, pengawasan dan kawalan disiplin yang lebih ketat perlu dilaksanakan dan berusaha mengatasi masalah ini dengan bersungguh-sungguh serta tidak menutup kes buli de-

ngan sesuka hati tanpa penyiasatan.

Hukuman kepada pembuli juga perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menjadi pengajaran dan iktibar kepada pelajar lain.

Tidak perlu kita menuding jari menyalahkan satu sama lain apabila kes buli berlaku. Semua pihak wajib memainkan peranan masing-masing untuk menangani dan membanteras gejala yang semakin meruncing ini. Ibu bapa, guru, sekolah, masyarakat dan negara perlu bersatu dan bekerjasama menangani gejala buli.

Generasi yang berdisiplin, berwawasan tinggi dan berbudi pekerti dapat dilahirkan sekiranya gejala buli dapat dibendung seterusnya memajukan lagi sistem pendidikan negara.